

Headline	Tiada arahan umrah hanya melalui TH		
MediaTitle	SelangorKini	Color	Full Color
Date	20 Feb 2019	Circulation	250,000
Section	News	Readership	750,000
Page No	21	ArticleSize	194 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 1,910
Journalist	N/A	PR Value	RM 5,730
Frequency	Weekly		



# Tiada arahan umrah hanya melalui TH

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kewangan tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan atau arahan yang mewajibkan umat Islam di negara ini menuaikan umrah hanya melalui Lembaga Tabung Haji.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, tuduhan yang mengaitkannya dengan perkara itu disifatkan tidak berasas dan dibuat pihak tidak bertanggungjawab.

Kenyataan itu dikeluarkan susulan artikel bertajuk "Guan Eng Akan Bunuh Perniagaan Melayu" yang diterbitkan di portal berita Malaysia Today, pada 5 Februari lalu.

"Artikel ini turut dipaparkan di laman Facebook Raja Petra Kamarudin (penulis blog), pada 4 Februari lalu.

"Laporan berita palsu ini disebarluaskan semata-mata untuk membangkitkan kemarahan orang ramai dan menghasut kebencian terhadap Menteri Kewangan bukan Islam kerana kononnya melakukan campur tangan dalam hal ehwal Islam," ka-



tanya dalam kenyataan.

Kenyataan itu turut menyebut, satu laporan polis berhubung penyebaran maklumat palsu itu sudah dibuat dan akan membuat aduan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

"Ingin ditegaskan sekali lagi bahawa Menteri Kewangan dan Kementerian Kewangan tidak sesekali pernah mengeluarkan arahan seperti dinyatakan dalam artikel Malaysia Today.

"Tuduhan palsu ini berniat jahat, fitnah dan pembohongan," katanya.